



1 Ogos 2012
1 August 2012
P.U. (A) 234

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN
(PINDAAN) 2012

*RULES OF THE COURT OF APPEAL
(AMENDMENT) 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan dengan persetujuan Ketua Hakim Negara, Jawatankuasa Kaedah-Kaedah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

Penggantian kaedah 4

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [*P.U. (A) 524/1994*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan kaedah 4 dengan kaedah yang berikut:

“Pemakaian
Kaedah-Kaedah
Mahkamah 2012.
P.U. (A) 205/2012.”

4. Jika tiada peruntukan lain dibuat oleh mana-mana undang-undang bertulis atau oleh Kaedah-Kaedah ini, prosedur dan amalan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.”

Pindaan kaedah 18

3. Kaedah 18 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (7), dengan memotong perkataan “atau dalam apa-apa masa lanjutan yang dibenarkan oleh Mahkamah”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (7) subkaedah yang berikut:

“ (7A) Walau apa pun subkaedah (7), sekiranya mana-mana salinan dokumen yang dinyatakan dalam perenggan (4)(b), (d) atau (e) tidak boleh didapati dalam lapan minggu selepas kemasukan rayuan, perayu hendaklah memfailkan salinan dokumen itu bersama dengan memorandum rayuan sebagai rekod rayuan tambahan dalam tiga minggu selepas diberitahu tentang adanya dokumen itu.”.

Pindaan kaedah 27

4. Kaedah 27 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“ (2) Suatu notis usul hendaklah pada keseluruhan isinya dalam Borang 4 dalam Jadual Pertama dan mestilah disokong dengan suatu affidavit.”; dan

(b) dalam subkaedah (4), dengan menggantikan perkataan “dalam suatu usul dalam Mahkamah Tinggi” perkataan “yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012”.

Penggantian kaedah 30

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 30 dengan kaedah yang berikut:

“Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

30. Peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tentang alamat bagi penyampaian dan penyampaian hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi apa-apa rayuan atau rayuan yang dicadangkan kepada Mahkamah Rayuan.”.

Pindaan kaedah 32

6. Kaedah 32 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“ (1A) Suatu petisyen hendaklah pada keseluruhan isinya dalam Borang 4A dalam Jadual Pertama.”.

Penggantian kaedah 55

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 55 dengan kaedah yang berikut:

“Pemakaian peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tentang kos.

55. Peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tentang kos hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi apa-apa rayuan kepada Mahkamah Rayuan.”.

Penggantian kaedah 89

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 89 dengan kaedah yang berikut:

“Waktu pejabat.

89. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, waktu pejabat bagi Pejabat Pendaftaran hendaklah dari pukul 8:00 pagi hingga pukul 5:00 petang, kecuali pada hari Jumaat waktu pejabat hendaklah dari pukul 8:00 pagi hingga pukul 12:15 tengah hari dan dari pukul 2:45 petang hingga pukul 5:00 petang.

Dengan syarat bahawa Pendaftar tidak boleh menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan untuk pemfailan kecuali seperti yang berikut:

(a) pada hari Isnin hingga Khamis antara pukul 8:30 pagi hingga pukul 4:00 petang; dan

(b) pada hari Jumaat antara pukul 8:30 pagi hingga pukul 12:15 tengah hari dan dari pukul 2:45 petang hingga pukul 4:00 petang”.

Pindaan Jadual Pertama

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Borang 4 borang yang berikut:

“BORANG 4A

(Kaedah 32)

DALAM MAHKAMAH RAYUAN

(Bidang kuasa Rayuan)

No. Petisyen 20.....)

Antara

A. B. Pempetisyen

dan

C. D. Responden

(Dalam perkara No. 20.....
dalam Mahkamah Tinggi di

Antara

.....

dan

.....)

Petisyen

Kepada Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Rayuan

PETISYEN A. B.

Menunjukkan:

- 1.
2. (yang berkenaan)
3. dll.

Pempetisyen dengan demikian memohon:

(nyatakan relief yang dipohon)

Bertarikh pada haribulan 20.....

Pempetisyen/Peguam Cara bagi Pempetisyen